



PENGARUH KESEDIAAN SIKAP, PEMBELAJARAN DAN KEROHANIAN TERHADAP PEMILIHAN KERJAYA KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN PELAJAR SISWAZAH

INFLUENCE OF ATTITUDE, LEARNING AND SPIRITUALITY ON SELECTION OF ENTREPRENEURIAL CAREERS AMONG POST GRADUATE STUDENTS

Nur Fatimah Rosdi^{1*}, Radin Siti Aishah Radin A Rahman²

¹ Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: p98120@siswa.ukm.edu.my

² Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: radin@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 07.02.2021

Revised date: 15.02.2021

Accepted date: 03.03.2021

Published date: 10.03.2021

To cite this document:

Rosdi, N. F., & Rahman, R. S. A. R. A. (2021). Pengaruh Kesiediaan Sikap, Pembelajaran Dan Kerohanian Terhadap Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Siswazah. *Advanced International Journal of Business, Entrepreneurship and SMEs*, 3 (7), 93-110.

DOI: 10.35631/AJBES.37008.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Keusahawanan merupakan satu bidang yang menyediakan peluang kerjaya yang luas untuk diceburi. Usaha melahirkan generasi yang memilih keusahawanan sebagai kerjaya memerlukan siswazah untuk mempunyai kesiediaan dalam keusahawanan. Lambakan graduan menjadikan permintaan dan penawaran dalam sektor pekerjaan tidak seimbang. Tambahan pula, siswazah kurang terdedah dengan potensi kerjaya keusahawanan menjadikan bidang ini tidak dijadikan pilihan utama kerjaya. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh kesiediaan sikap, pembelajaran, dan kerohanian terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan pelajar siswazah UKM Bangi, Selangor. Rekabentuk kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan menggunakan instrumen soal selidik melibatkan sampel seramai 375 pelajar yang terdiri daripada siswazah Universiti Kebangsaan Malaysia kampus Bangi yang merangkumi pelajar semester satu hingga enam telah dipilih secara rawak. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kesiediaan keusahawanan pelajar siswazah UKM adalah sangat tinggi namun pemilihan kerjaya keusahawanan pelajar adalah sederhana. Manakala kesiediaan keusahawanan terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar siswazah UKM mempunyai pengaruh yang besar.

Kata Kunci:

Pengaruh Kesiediaan Keusahawanan, Sikap, Pembelajaran, Kerohanian, Pemilihan Kerjaya Keusahawanan, Pelajar Siswazah

Abstract:

Entrepreneurship is a field that offers career opportunities. The effort to create a generation that chooses entrepreneurship as a career requires graduates to have entrepreneurial readiness. The diversity of graduates makes the demand and supply in the job sector unbalanced. In addition, graduates are less exposed to the potential of an entrepreneurial career, making this field not the main choice for their career. Therefore, this study aimed to identify the influence of entrepreneurial readiness such as attitude, learning, and spirituality on the choice of entrepreneurial career among UKM Bangi graduate students, Selangor. The design of the quantitative study using a survey method of a questionnaire which involved a sample of 375 students consisting of the National University of Malaysia graduates of Bangi which students from semester one to six semesters was randomly selected. The findings of this study show that the entrepreneurial readiness of UKM graduate students is very high, but the selection of student entrepreneurship careers is modest. While entrepreneurial readiness for entrepreneurial career choice among SME graduates has a huge impact.

Keywords:

Influence of Entrepreneurial Readiness, Attitude, Learning, Spirituality, Entrepreneurial Career Choice, Graduate Student

Pengenalan

Keusahawanan menjadi sektor penyumbang utama peningkatan ekonomi sesebuah negara (Amalina Asmaa Ismail & Halimah Harun, 2014) selain mampu memberi pengaruh dalam peningkatan dan kestabilan politik dan sosial negara (Sarimah et al., 2010) kerana sektor ini berupaya untuk mencipta peluang pekerjaan (Zoheir Ezziane et al., 2013). Secara tidak langsung, sektor ini memberikan impak dalam membangunkan masyarakat yang positif terutamanya siswazah (Mazdan Ali Amaran et al., 2015). Sektor keusahawanan telah lama wujud sebelum negara mencapai kemerdekaan lagi di mana pada waktu itu aktiviti perdagangan atau jual beli dilaksanakan dengan menggunakan sistem barter atau lebih dikenali sebagai sistem tukaran barang (Norasmah Othman & Sumanthy Panniappan, 2012). Sektor ini dilihat semakin berkembang dengan pesat dan ini adalah bertepatan dengan keinginan Kementerian Pembangunan Usahawan dalam Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) yang ingin melahirkan masyarakat yang mempunyai pemikiran keusahawanan dan menjadikan negara ini sebagai salah sebuah negara keusahawanan yang unggul pada tahun 2030. (Kementerian Pembangunan Usahawan, 2019).

Pelajar perlu dilengkapi dengan kemahiran yang secukupnya agar lebih bersedia untuk menyahut cabaran dan halangan pada masa hadapan. Kementerian Pelajaran Malaysia (2012) menggariskan enam aspirasi pelajar dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 iaitu kemahiran memimpin, kemahiran berfikir, pengetahuan, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional. Pelan ini menjadi rujukan kepada sistem pendidikan negara dalam mengenal pasti kemahiran yang perlu diterapkan dalam diri pelajar seterusnya melahirkan pelajar yang dapat menguasai pembangunan ekonomi negara (PPPM, 2013). Pemilihan kerjaya adalah hal yang penting bagi setiap individu kerana setiap pilihan yang dilakukan akan mempengaruhi corak kehidupan individu itu pada masa hadapan (Yusoff, Ismail & Sidin, 2008). Jadi, di sinilah sistem pendidikan memainkan peranan dalam melahirkan

generasi yang mempunyai ciri-ciri kesediaan keusahawanan serta dapat menghadapi cabaran pada masa hadapan dan berkembang seiring dengan kepesatan teknologi.

Aspek pemilihan kerjaya merupakan satu hal yang penting untuk dipertimbangkan oleh individu secara teliti kerana masa depan mereka saling berkaitan dengan pemilihan kerjaya. Sesebuah negara yang melahirkan ramai usahawan akan menjadikan perkembangan ekonomi negara itu lebih maju ke hadapan (Kuratko, 2009). Syed (2013) dalam kajiannya mengatakan sektor keusahawanan mampu menolong negara dalam mengurangkan isu seperti pengangguran kerana sektor ini dapat menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan di samping dapat meningkatkan tahap ekonomi negara serta masyarakat yang berdaya saing juga berjaya dilahirkan. Situasi ini tidak selari dengan apa yang terjadi di negara ini dimana kajian lepas menunjukkan bahawa hanya 1.3 peratus daripada jumlah 2 275 siswazah yang memilih keusahawanan sebagai bidang kerjaya (Norasmah, 2011).

Tinjauan Literatur

Usahawan adalah individu yang melihat peluang yang tidak dapat dilihat oleh orang lain Kirzner (1979) dan Abdul Aziz (2009). Kesediaan keusahawanan pula merupakan kebolehan seseorang dalam melihat dan menganalisa persekitaran mereka dan mengaplikasikan sikap produktif dan kreatif agar mereka dapat memastikan kemampuan yang ada pada diri mereka sebagai peningkatan pencapaian sendiri (Jesus Ruiz et al., 2016). Terdapat juga universiti yang menyediakan kursus kepada pelajar untuk mendedahkan mereka tentang bidang keusahawanan secara percuma dengan menjalinkan hubungan dengan pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD).

Sikap

Norfadhilah dan Halimah (2010), mendapati sikap merupakan faktor yang mempengaruhi pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan. Ini dipersetujui oleh Ajzen (1980) yang menyatakan kepentingan kawalan yang dirasakan oleh seseorang individu dalam menentukan hubungan antara tingkah laku serta sikap dibuktikan melalui kajian empirikal. Tingkah laku seseorang individu akan dipengaruhi oleh sikap (Ajzen, 1985) oleh hal yang demikian teori gelagat terancang ini amat penting dalam mengawal dan memastikan kemenjadian pelajar terhadap kesediaan keusahawanan.

Pembelajaran

Pembelajaran sendiri merupakan salah satu cara pembelajaran yang amat berkesan terhadap individu dalam usaha untuk mendapatkan maklumat kerana kaedah ini menggunakan keupayaan seseorang dalam menghadapi perubahan dan cabaran masa depan (Guglielmino, 2008). Manakala kecemerlangan dalam aspek pembelajaran sangat mempengaruhi pelajar untuk terlibat dengan bidang keusahawanan (Norfadhilah & Halimah, 2010).

Kerohanian

Kerohanian agama seseorang individu dapat mempengaruhi kecenderungan seseorang itu dalam menceburi bidang keusahawanan (Kassim et al., 2010). Seseorang yang mempunyai akhlak dan berpegang pada prinsip akan mengalami pendekatan kecerdasan secara spiritual yang mana akan menyumbang kepada pengurusan yang cekap serta menjadikan seseorang itu lebih bertanggungjawab (Awang et al., 2017). Kerohanian berkait rapat dengan pembentukan seorang usahawan yang berjaya (Mohd Adib Abd Muin et al., 2014).

Pemilihan Kerjaya Keusahawanan

Bidang pengkhususan merupakan elemen yang dianggap sebagai titik awal trajektori kerjaya (Anne & Keith, 2008). Ellis dan Williams (2011) mendefinisikan pemilihan kerjaya keusahawanan sebagai cara individu melihat sesuatu sebagai peluang dan mereka berfikir untuk memulakan perniagaan baru walaupun telah mempunyai cara lain dalam menjana pendapatan. Kajian Norfadilah dan Halimah (2010) mendapati bahawa pelajar mempunyai minat dan kecenderungan kearah keusahawanan namun keadaan universiti yang kurang kondusif menyebabkan pelajar kurang yakin dengan pilihan mereka untuk menceburi bidang keusahawanan. Jadi, di sinilah pengkaji ingin melihat tahap kesediaan keusahawanan pelajar siswazah terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan.

Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan yang melibatkan sampel kajian seramai 375 pelajar daripada 17 500 populasi pelajar yang sedang mengikuti pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia. Populasi kajian ini melibatkan 17 500 pelajar siswazah yang terdiri dari tahun satu hingga tahun empat yang menuntut di ukm bangi dan semua fakulti terlibat termasuklah Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina, Fakulti Pendidikan, Fakulti Pengajian Islam, Fakulti Sains & Teknologi, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Fakulti Undang-Undang, Institut Alam & Tamadun Melayu, Institut Alam Sekitar & Pembangunan, Institut Biologi Sistem, Institut Informatik Visual, Institut Islam Hadhari, Institut Kajian Etnik, Institut Kajian Malaysia & Antarabangsa, Institut Kejuruteraan Mikro & Nanoelektronik, Institut Penyelidikan Tenaga Suria, Institut Perubahan Iklim, Institut Sel Fuel dan Ukm-Graduate School Of Business.

Sampel kajian ini terdiri daripada mahasiswa peringkat siswazah di Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi yang merangkumi tahun satu hingga tahun tiga. Berdasarkan jadual persampelan Krejcie dan Morgan (1970) jika populasi sasaran adalah melebihi 17 ribu dan kurang dari 20 ribu, maka sampel yang sesuai dan perlu diambil adalah sebanyak 375 orang responden. Hal ini disokong oleh Sekaran (2003) yang menyatakan bahawa untuk menjalankan kajian saiz sampel yang wajar diambil kira adalah melebihi 30 orang dan kurang dari 500 orang manakala Creswell (2005) juga mencadangkan bahawa anggaran subjek yang sesuai adalah sebanyak 375 bagi kajian tinjauan. Penyelidik mencadangkan penambahan bilangan responden sebanyak 10 peratus sebagai persediaan sekiranya terdapat kertas soal selidik yang tidak dipulangkan atau tidak dapat digunakan untuk penganalisisan data. Oleh hal yang demikian, responden kajian meningkat kepada 413 orang. Analisis unit kajian ini ialah seorang individu yang merupakan pelajar. Proses edaran soal selidik dilakukan setelah mendapat kelulusan dari Kementerian Pelajaran Tinggi (KPT) serta kebenaran daripada pejabat Bhagian Pengurusan Akademik (BPA) Universiti Kebangsaan Malaysia untuk menjalankan penyelidikan di UKM Kampus Bangi di setiap fakulti.

Satu set soal selidik yang lengkap dengan jumlah item sebanyak 53 item telah digunakan untuk mengumpul maklumat. Penggunaan instrumen soal selidik adalah kerana ianya amat sesuai untuk mengukur tahap (Shaughnessy et. al., 2012). Item dalam soal selidik tersebut telah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A, B dan C. Bahagian A terdiri daripada enam item adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan demografi responden iaitu jantina, bangsa, fakulti, bidang pengajian, tahun pengajian, dan penglibatan ahli keluarga dalam bidang keusahawanan. Bahagian B pula terdiri daripada 44 item bagi memperolehi maklumat berkaitan tahap kesediaan keusahawanan. Bahagian ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu

kesediaan sikap (14 item), kesediaan pembelajaran (15 item) dan kesediaan kerohanian (15 item). Instrumen yang digunakan untuk mengukur komponen kesediaan keusahawanan ini adalah berasal daripada soal selidik yang dijalankan oleh Norashidah (2009). Manakala bahagian C pula terdiri daripada 10 item bagi memperolehi maklumat berkaitan kecenderungan pemilihan keusahawanan sebagai bidang kerjaya. Instrumen yang digunakan untuk mengukur komponen kecenderungan kerjaya keusahawanan ini adalah diadaptasi daripada Norasmah dan Salmah (2011). Item diukur dengan menggunakan skala likert lima mata yang menunjukkan skala 1 “Sangat Tidak Setuju” sehingga skala 5 “Sangat Setuju”.

Satu set kajian rintis dijalankan terhadap 30 pelajar siswazah Universiti Kebangsaan Malaysia kampus Bangi yang menepati ciri-ciri responden kajian bertujuan untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan alat ukuran yang digunakan dalam kajian (Jamil Ahmad, 2002) selain dari menguji kefahaman responden terhadap item soal selidik serta melihat kelemahan instrumen kajian (Alias Baba, 1997) serta memastikan kekurangan serta kekuatan alat ukuran yang digunakan dalam kajian (Tavadan Peshkin, 1992). Kebolehpercayaan didefinisikan sebagai pengukuran yang dapat menunjukkan tahap instrumen itu bebas daripada kesilapan dan stabil merentasi pelbagai item dalam skala (Sekaran & Bougie, 2010). Aspek utama seperti mengikut prosedur penyelidikan, memastikan soalan yang dinyatakan dalam borang soal selidik adalah jelas, serta memastikan responden kajian bersedia dengan kajian yang dijalankan adalah penting bagi memastikan kebolehpercayaan dalam kajian (Creswell, 2005). Pelajar yang menjalani ujian rintis ini akan terkecuali dari kutipan data kajian sebenar.

Tahap kebolehpercayaan ini menggunakan kaedah *Cronbach Alpha* yang sering digunakan sebagai alat ukur tahap ketekalan konstruk. Mohsen Tavakol (2011) menyatakan semua item soal selidik perlu ditentukan tahap ketekalan agar item boleh digunakan dalam kajian. Dapatan ujian rintis ini menunjukkan tahap kebolehpercayaan konstruk kesediaan keusahawanan yang paling tinggi adalah sikap 0.93 (cemerlang), diikuti dengan kerohanian 0.83 (sangat baik), dan pembelajaran 0.81 (sangat baik). Manakala nilai *Cronbach Alpha* bagi pemilihan kerjaya keusahawanan adalah 0.91 (cemerlang) mengikut interpretasi Tavakol (2011). Pekali Alpha Cronbach yang hampir dengan nilai 1.00 membuktikan bahawa kebolehpercayaan item adalah tinggi (Coakes, 2005).

Jadual 1: Interpretasi Tahap Kebolehpercayaan Pembolehubah

<u>Cronbach Alpha's</u>	<u>Interpretasi</u>
Melebihi atau sama 0.90	Cemerlang
Melebihi atau sama 0.80	Sangat Baik
Melebihi atau sama 0.70	Mencukupi
Kurang daripada 0.50	Tidak Dapat Dipercayai

Sumber: (Mohsen Tavakol, 2011)

Dapatan Dan Perbincangan

Profil Demografi Responden

Analisis deskriptif yang dilakukan terhadap 375 orang responden terdiri daripada 31.7 peratus (119) pelajar lelaki dan 68.3 peratus (256) pelajar perempuan yang sedang menjalani pengajian siswazah dari semester satu sehingga semester enam. Pelajar ini terdiri daripada bangsa Melayu 65.6 peratus (246), bangsa Cina 19.5 peratus (73), bangsa India 10.7 peratus (40) dan bangsa lain 4.3 peratus (16).

Pelajar Fakulti Ekonomi & Pengurusan sebanyak 6.7 peratus (25), Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina 7.2 peratus (27), Fakulti Pendidikan 16.8 peratus (63), Fakulti Pengajian Islam 7.7 peratus (29), Fakulti Sains & Teknologi 7.7 peratus (29), Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan 2.9 peratus (11), Fakulti Teknologi & Sains Maklumat 9.1 peratus (34), Fakulti Undang-Undang 8.3 peratus (31), Institut Alam & Tamadun Melayu 2.7 peratus (10), Institut Alam Sekitar & Pembangunan 3.5 peratus (13), Institut Biologi Sistem 5.1 peratus (19), Institut Informatik Visual 5.1 peratus (19), Institut Islam Hadhari 1.9 peratus (7), Institut Kajian Etnik 4.5 peratus (17), Institut Kajian Malaysia & Antarabangsa 1.9 peratus (7), Institut Kejuruteraan Mikro & Nanoelektronik 2.7 peratus (10), Institut Penyelidikan Tenaga Suria 1.3 peratus (5), Institut Perubahan Iklim 1.1 peratus (4), Institut Sel Fuel 1.3 peratus (5) dan Ukm-Graduate School Of Business 2.7 peratus (10). Manakala responden latar belakang keluarga responden yang terlibat dengan bidang keusahawanan 73.6 peratus (276). Jadual 2 menunjukkan profil demografi responden mengikut jantina, tahun pengajian dan keterlibatan ahli keluarga dalam bidang keusahawanan.

Jadual 2: Profil Demografi Responden Kajian

Demografi		Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	119	31.7
	Perempuan	256	68.3
Tahun	1	135	36.0
	2	152	40.5
	3	88	23.5
Keterlibatan ahli keluarga dalam keusahawanan	Ya	276	73.6
	Tidak	99	26.4

Tahap Kesiediaan Sikap, Pembelajaran, Kerohanian Dan Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Pelajar Siswazah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Tahap kesiediaan keusahawanan (Jadual 4) dan pemilihan kerjaya keusahawanan (Jadual 5) dalam kalangan pelajar siswazah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi adalah menunjukkan sikap yang sederhana (min=3.44, sp=0.81), pembelajaran (min=4.30, sp=0.43) dan kerohanian (min=4.58, sp=0.33) pada tahap sangat tinggi, dan pemilihan kerjaya keusahawanan pada tahap sederhana (min=3.66, sp=0.85). Penentuan tahap ini adalah berdasarkan interpretasi (Zaihan & Hilmun, 2016) dalam Jadual 3.

Jadual 3: Interpretasi Skor Min

Skor min	Interpretasi
1.00 - 1.89	Sangat Rendah
1.90 - 2.69	Rendah
2.70 - 3.49	Sederhana
3.50 - 4.29	Tinggi
4.30 - 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: (Zaihan & Hilmun, 2016)

Dapatan kajian menyatakan terdapat dua item konstruk iaitu pembelajaran dan kerohanian berada pada tahap kekerapan yang tinggi. Item 18 (konstruk pembelajaran) mempunyai nilai tertinggi iaitu 99.5 peratus pelajar siswazah Univeriti Kebangsaan Malaysia bersetuju bahawa mereka kagum dengan orang yang selalu mempelajari sesuatu yang baharu. Seterusnya, item 40 dan 42 (konstruk kerohanian) keduanya menyatakan pelajar siswazah bersetuju bahawa

mereka yakin setiap punca rezeki perlu datang dari sumber yang halal dan perlunya mematuhi tuntutan agama agar mereka dapat menunjukkan kesyukuran. Manakala item 1 (konstruk sikap) mendapat persetujuan yang paling rendah iaitu 33.9 peratus yang menyatakan bahawa mereka berasa mudah untuk memulakan perniagaan baru. Interpretasi skor min bagi konstruk kerohanian adalah sangat tinggi. Hal ini selari dengan kajian Mohamad Zulkifli dan Mohd Rosli (2013) yang mendapati bahawa terdapat hubungan keusahawanan positif sekiranya seseorang itu mempunyai tahap kerohanian yang tinggi.

Jadual 4: Tahap Kekерapan Dan Peratus Kesediaan Keusahawanan Dalam Aspek Sikap, Pembelajaran Dan Kerohanian Pelajar Siswazah UKM

Konstruk	Item	Skala						Min	Sisihan Piaiwai	Interpretasi Tahap
		STS		KS		SS				
		n	%	n	%	n	%			
Sikap	KK1 - Saya berasa mudah memulakan perniagaan baru.	157	41.8	91	24.3	127	33.9	3.44	0.81	Sederhana
	KK2 - Saya berasa mudah untuk membangunkan idea-idea dalam perniagaan.	135	36.0	63	16.8	177	47.2			
	KK3 - Saya berminat untuk menjadi usahawan sebagai kerjaya.	71	18.9	56	14.9	248	66.2			
	KK4 - Saya percaya saya mempunyai kebolehan untuk memulakan perniagaan.	87	23.2	69	18.4	219	58.4			
	KK5 - Saya berkebolehan untuk mengawal proses pembentukan perniagaan baharu.	127	33.9	86	22.9	162	43.2			
	KK6 - Saya	163	43.5	58	15.5	154	41.1			

mengetahui segala amalan secara terperinci untuk memulakan perniagaan.						
KK7 - Saya ingin menjadi usahawan kerana ia akan memberikan saya kepuasan yang luar biasa.	91	24.8	53	14.1	231	61.6
KK8 - Saya akan membawa lebih banyak manfaat dan kebaikan daripada keburukan sekiranya saya menjadi seorang usahawan.	45	12.0	81	21.6	249	66.4
KK9 - Saya disokong oleh rakan-rakan jika saya memilih untuk menjadi usahawan.	41	10.9	109	29.1	225	60.0
KK10 - Saya disokong oleh rakan-rakan sekiranya saya ingin memulakan perniagaan.	43	11.5	86	22.9	246	65.6
KK11 - Saya disokong oleh keluarga terdekat saya dengan keputusan saya untuk menceburi perniagaan.	45	12.0	57	15.2	273	72.8
KK12 - Saya	26	6.9	47	12.5	302	80.5

	gembira untuk memulakan perniagaan sendiri sekiranya saya mempunyai peluang.	KK13	58	15.5	94	25.1	223	59.5		
	Saya mempunyai peluang yang tinggi untuk berjaya jika saya menceburi bidang keusahawanan	KK14	141	37.6	89	23.7	145	38.7		
	Saya lebih memilih bidang perniagaan daripada bidang lain.									
Pembelajaran	KK15	7	1.9	16	4.3	352	93.9	4.30	0.43	Sangat Tinggi
	Saya gembira membaca buku untuk menambah ilmu.	KK16	5	1.3	11	2.9	359	95.7		
	Saya suka memerhati gelagat manusia bagi memahami tindakan mereka.	KK17	88	23.5	71	18.9	216	57.6		
	Saya suka mengunjungi pameran keusahawanan bagi mencari maklumat baharu.	KK18	2	0.5	0	0.00	373	99.5		
	Saya kagum dengan orang									

yang selalu mempelajari sesuatu yang baharu.						
KK19	16	4.3	73	19.5	286	76.3
Saya sangat seronok jika dapat menyertai pameran yang diadakan.						
KK20	0	0.0	6	1.6	369	98.4
Saya gembira jika saya dapat menyelesaikan masalah.						
KK21	0	0.0	18	4.8	357	95.2
Saya percaya masalah adalah satu cabaran dan bukan membantutkan usaha.						
KK22	0	0.0	22	5.9	353	94.1
Saya sering melayari internet bagi mendapatkan sebarang maklumat yang saya perlukan.						
KK23 - Saya tahu apa yang saya perlu pelajari untuk menjadi seorang usahawan.	77	20.5	68	18.1	230	61.3
KK24 - Saya bersedia untuk belajar dengan usahawan yang berjaya.	45	12.0	41	10.9	289	77.0
KK25 - Saya akan berusaha mencari masa untuk belajar sesuatu yang	0	0.0	63	16.8	312	83.2

	dirasakan penting walaupun saya sangat sibuk.									
	KK26 - Saya berasa seronok apabila berinteraksi dengan usahawan yang berjaya.	11	2.9	48	12.8	316	84.2			
	KK27 - Saya tahu bila saya perlu mempelajari sesuatu dengan lebih lanjut.	6	1.6	46	12.3	323	86.1			
	KK28 - Saya sering berasa ingin tahu tentang sesuatu.	0	0.0	19	5.1	356	94.9			
Kerohanian	KK29 - Saya percaya bahawa 90% rezeki adalah melalui perniagaan.	39	10.4	32	8.5	304	81.1	4.58	0.33	Sangat Tinggi
	KK30 - Saya percaya rezeki telah ditentukan oleh Tuhan.	6	1.6	14	3.7	355	94.7			
	KK31 - Saya percaya setiap amalan bermula dengan niat.	0	0.0	11	2.9	364	97			
	KK32 - Saya yakin penglibatan dalam bidang keusahawanan adalah satu kewajipan bagi menyediakan keperluan masyarakat.	13	3.4	52	13.9	310	82.7			
	KK33 - Saya	0	0.0	29	7.7	346	92.3			

sering melakukan sesuatu mengikut cara- cara yang beretika.	KK34 - Saya	43	11.5	69	18.4	263	70.1
sanggup melakukan apa sahaja untuk mencapai matlamat saya.	KK35 - Saya	4	1.1	6	1.6	365	97.4
perlu menghindari perbuatan yang haram.	KK36 - Saya	4	1.1	13	3.5	358	95.5
sentiasa melakukan perbuatan yang mempunyai nilai murni.	KK37 - Saya	0	0.0	5	1.3	370	98.7
berusaha untuk menghindari amalan yang dianggap tidak baik mengikut agama.	KK38 - Saya	0	0.0	6	1.6	369	98.4
percaya bahawa tuhan akan membalas amalan yang tidak baik.	KK39 - Saya	0	0.0	5	1.3	370	98.6
percaya bahawa jika rezeki diberkati, tuhan akan memberikan ganjaran kebaikan.	KK40 - Saya	0	0.0	1	0.3	374	99.7
yakin bahawa setiap punca							

rezeki mestilah daripada sumber yang halal.									
KK41 - Saya merasa bersyukur atas segala kesenangan yang dinikmati.	0	0.0	5	1.3	370	98.6			
KK42 - Saya perlu mematuhi tuntutan agama bagi menunjukkan kesyukuran.	0	0.0	1	0.3	374	99.7			
KK43 - Saya sentiasa menepati masa.	0	0.0	60	16.0	315	83.5			

Kajian mendapati, pada keseluruhannya tahap pemilihan kerjaya keusahawanan siswazah UKM adalah berada pada tahap sederhana (min=3.66; s.p=1.10). Item 10 mendapat persetujuan responden sebanyak 82.4 peratus yang mewakili "Saya lebih suka berdikari menyelesaikan masalah sendiri". Manakala item yang mendapat peratusan paling rendah adalah item 5 dengan 53.1 peratus mewakili "Saya suka mengambil bahagian dalam seminar keusahawanan kerana saya dapat berjumpa dengan usahawan yang berjaya" dan "Saya lebih suka mengambil bahagian dalam bidang keusahawanan" mendapat persetujuan kedua terendah dengan 55.2 peratus. Dapatan ini selari dengan kajian Norfadhilah dan Halimah (2010) yang mendapati pelajar kurang berminat untuk mengikuti kursus keusahawanan yang disediakan oleh pihak luar mahupun universiti. Ini menunjukkan bahawa lebih separuh daripada responden yang terlibat belum bersedia untuk menjadikan bidang keusahawanan sebagai pilihan kerjaya utama mereka. Ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Hairi (2012) yang mendapati bahawa pelajar sedar tentang kepentingan bidang keusahawanan tetapi pendedahan yang kurang menjadikan pelajar masih kurang yakin untuk menyertai keusahawanan. Walaupun responden bersetuju bahawa mereka lebih suka untuk menyelesaikan masalah sendiri namun responden kurang berminat untuk menghadiri seminar berkaitan keusahawanan menandakan responden kurang berminat untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya utama.

Jadual 5: Tahap Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Pelajar Siswazah UKM

Item	Skala							Min	Sisihan Piaiwai	Interpretasi Tahap
		TS		S		SS				
		n	%	n	%	n	%			
Pemilihan kerjaya keusahawanan	PK1 - Saya suka bergaul dengan usahawan yang	14	3.7	87	23.2	274	73.1	3.66	0.85	Sederhana

berjaya.						
PK2 - Saya suka menyertai program sosial untuk berjumpa dengan orang ramai	57	15.2	51	13.6	267	71.2
PK3 - Saya suka bertemu ramai orang terutama sekali orang yang terlibat dalam bidang keusahawanan	72	19.2	72	19.2	231	61.6
PK4 - Saya suka melawat ekspo perdagangan kerana saya boleh mendapat peluang perniagaan.	91	24.3	62	16.5	222	59.2
PK5 - Saya suka mengambil bahagian dalam seminar keusahawanan kerana saya dapat berjumpa dengan usahawan yang berjaya	105	28.0	71	18.9	199	53.1
PK6 - Saya pasti menjadi seorang usahawan yang berjaya	81	21.6	78	20.8	216	57.6
PK7 - Saya lebih suka mengambil bahagian dalam bidang keusahawanan	113	30.2	55	14.7	207	55.2
PK8 Saya suka bekerja sendiri berbanding	96	25.6	41	10.9	238	63.5

kerja dengan orang lain						
PK9 - Saya mampu menjadi seorang usahawan yang berjaya dengan menggunakan kemahiran yang saya miliki.	82	21.8	55	14.7	238	63.5
PK10 - Saya lebih suka berdikari menyelesaikan masalah sendiri	17	4.5	49	13.1	309	82.4

Perbezaan Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Pelajar Siswazah Universiti Kebangsaan Malaysia Berdasarkan Jantina

Jadual 6 menunjukkan hasil analisis ujian t bagi menentukan perbezaan pemilihan kerjaya keusahawanan pelajar siswazah Universiti Kebangsaan Malaysia berdasarkan jantina. Min skor pemilihan kerjaya pelajar lelaki ialah 119 lebih rendah dari min skor pelajar perempuan iaitu 256. Keputusan ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pemilihan kerjaya keusahawanan antara jantina lelaki dan perempuan. Situasi ini menunjukkan bahawa pelajar lelaki dan perempuan bersetuju untuk memilih keusahawanan sebagai bidang kerjaya.

Jadual 6: Perbezaan Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Mengikut Jantina

Demografi	Faktor	N	min	s.p	dk	t	sig
Jantina	Lelaki	119	3.67	0.83	373	0.133	0.894
	Perempuan	256	3.66	0.87	241.152	0.135	0.892

Signifikan pada aras $p < 0.05$

Pengaruh Kesediaan Sikap, Pembelajaran Dan Kerohanian Terhadap Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Pelajar Siswazah UKM

Jadual 8 menunjukkan hasil analisis regresi bagi menentukan pengaruh kesediaan sikap, pembelajaran dan kerohanian terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan pelajar siswazah UKM. Manakala kekuatan pengaruh setiap konstruk kesediaan keusahawanan dalam kajian ini diinterpretasi oleh Chua (2014) dalam Jadual 7. Hasil analisis menunjukkan bahawa daripada hanya sikap dan pembelajaran yang mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan pelajar. Konstruk sikap dan pembelajaran menyumbang sebanyak 74 peratus terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan pelajar. Ini menunjukkan pengaruh konstruk sikap ($R^2=0.693$) dan pembelajaran ($R^2=0.744$) mengikut tafsiran pekali regresi Chua adalah mempunyai kesan yang besar terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan pelajar.

Jadual 7: Tafsiran Pekali Regresi

Pekali	Nilai	Saiz Kesan
β	< 0.05	Sangat kecil dan tidak bermakna
	0.05 – 0.30	Kecil
	0.31 – 0.50	Sederhana

	> 0.5	Besar
R^2	< 0.02	Sangat kecil dan tidak bermakna
	0.02 – 0.15	Kecil
	0.16 – 0.30	Sederhana
	> 0.3	Besar

Sumber: Chua (2014)

Dapatan kajian ini selari dengan Mazirah dan Norasmah (2018) yang melaporkan pembelajaran merupakan faktor penyumbang kepada kecenderungan untuk menjadi usahawan.

Jadual 8: Ujian Regresi Linear Mudah

Model	R	R^2	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate	Change Statistics R Square Change	F Change	df1	df2	Sig. F Change
1	.833 ^a	.693	.692	.47546	.693	842.856	1	373	.000
2	.862 ^b	.744	.742	.43525	.050	73.110	1	372	.000

a. Predictors: (Constant), Sikap

b. Predictors: (Constant), Sikap, Pembelajaran

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini bertujuan untuk menentukan pengaruh kesediaan keusahawanan terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan pelajar siswazah UKM. Pentingnya pelajar untuk menceburi bidang ini kerana dapat membantu pertumbuhan ekonomi negara selain dapat menjadikan pelajar lebih kreatif dan inovatif. Dapatan kajian ini mendapati bahawa ketiga-tiga elemen iaitu sikap, pembelajaran dan kerohanian menjadi faktor pengaruh yang signifikan dalam pemilihan kerjaya keusahawanan. Manakala elemen sikap dan pembelajaran memberi pengaruh yang besar terhadap pemilihan kerjaya pelajar siswazah UKM. Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada perkembangan bidang keusahawanan melalui penerapan elemen sikap, pembelajaran dan kerohanian dalam keusahawanan terhadap pelajar. Selain itu, kajian ini juga boleh digunakan untuk penambahbaikan teori keusahawanan sedia ada serta dapat menambah kesedaran masyarakat terhadap kepentingan menceburi bidang keusahawanan. Walaupun elemen sikap dan pembelajaran memberikan pengaruh yang besar terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan, namun pelajar masih lagi tidak yakin untuk memilih bidang keusahawanan sebagai bidang kerjaya. Oleh itu, dapatan ini diharapkan dapat digunakan oleh pihak universiti untuk membina suasana yang kondusif untuk pelajar mengamalkan kesediaan keusahawanan dengan lebih berkesan.

Rujukan

- Alias, B. (1997). Statistik penyelidikan dalam pendidikan dan sains social Ed. Ke-2 Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anne, B. S., & Keith, D. C. (2008). Effects of an undergraduate career class on men's and women's career decision-making self-efficacy and vocational identity. *Journal of Career Development* 34:263–85.
- Asmaa, I. & Halimah, H. (2014). Pendorong Motivasi Usahawan Bumiputera. *Seminar Serantau*, hlm. 546-553.
- Awang, N. A. D., Maimun, A. A. L. & Mohd Isa, H. (2017). Amalan Kerohanian Membentuk Disiplin Pelajar. *Simposium Pendidikan diPeribadikan Perspektif Risalah An-Nur (SPRiN2017)*, hlm. 28–36.

- Coakes, S. J. (2005). *SPSS: Analysis without Anguish: Version 12.0 for Windows*, John Wiley & Son Australia, Ltd.
- Creswell, J. W. (2005). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education, Inc.
- Ezziane, Z. Mazzawi, E. & Leleux, B. (2013). Entrepreneurship in Family Business: Emerging Storyline 2. *International Journal of Trade, Economics and Finance* 4(3):164-167.
- Farhana, M, R,. (2013). Pembudayaan keusahawanan ke arah mempengaruhi kecenderungan menceburi bidang keusahawanan dalam kalangan bakal graduan di UTHM. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Glesne, C., & Peshkin, A. (1992). *Becoming Qualitative Researchers : An Introduction*. White Plains, N.Y. Longman.
- Guglielmino, L. M. (2008). Why Self-Directed Learning?. *International Journal of Self Directed Learning*. (5): 1-4.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Statistik Utama Tenaga Buruh, Malaysia*. Suku pertama (S1) 2020.
- Jamil, A. (2002). Pemupukan budaya penyelidikan di kalangan guru di sekolah: satu kelainan. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jesus, R., Domingo, R. S. & Alicia, C. (2016). Challenges in measuring readiness for entrepreneurship. *Management Decision* 54 (5): 1022-1046. <https://doi:10.1108/MD07-2014-0493>.
- Kassim, K. M., Khalid, S. A., Ghani, B. A. & Madar, A. R. S. (2010). Pengaruh Orientasi Keagamaan Intrinsik Dan Ektrinsik Terhadap Kecenderungan Keusahawanan. *Jurnal Intelek* 5(2).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Kajian Pengesanan Graduan*. Statistik pendidikan tinggi.
- Kementerian Pembangunan Usahawan. (2019). Dasar keusahawanan nasional 2030.
- Mazdan, A. A., Rohana, J., Salbiah, E., Rosita, H., & Nur Fatimah, A. B. (2015). Dimensi personaliti terhadap pembudayaan keusahawanan dalam kalangan graduan di Malaysia. *International Borneo and Business Conference 2014*. <https://doi.org/10.13140/RG.2.1.3406.2480>
- Mohamad Zulkifli, R. & Mohd Rosli. (2013). Enterpreneurial Orientation and business Success of Malay Enterpreneurs: Religiosity as Moderator. *International Journal of Humanities and Social Science* 3(10).
- Mohd Adib, A. M., Azizzi, A. B., & Shuhairimi, A. (2014). Model Usahawan Berjaya dalam Amalan Nilai-nilai Murni Keusahawanan Sosial Islam. *Journal of Human Development and Communication* 3 : 129-141.
- Nik Hairi, O. (2012). Potensi keusahawanan dan ciri-ciri keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Universiti Kebangsaan Malaysia. Proceedings of the 2. *International Conference on Arts, Social Sciences & Technology Penang, Malaysia*, 3rd th. 5 March 2012 Paper Code. No. 12191.
- Norasmah, O. & Sumanthy, P. (2012). Profil keusahawanan peniaga India di Malaysia. *Akademika*, 82(1), 103-111.
- Norasmah, O. (2011). Kecenderungan terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan mengikut persepsi peserta skin usahawan siswa. *Jurnal Teknologi* (56) 47-63.
- Norfadhilah, N. & Halimah, H. (2010). Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(1)(2010):11-17.

- Sarimah, C. H, Norlizah, C. H. & Nor Aisyah, B. (2010). Penguasaan Kemahiran Insaniah (Kemahiran Keusahawanan) Dalam Kalangan Guru Sekolah Di Malaysia. *Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia November 2010*, hlm. 8-10.
- Shaughnessy, J. J., Zechmeister, E. B., & Zechmeister, J. S. (2012). *Research Methods in Psychology* (9th ed.). New York: McGraw-Hill.
- Tavakol, M. (2011). Making Sense Of Cronbach's Alpha. *International Journal of Medical Education*. 53-55. ISSN: 2042-6372.
- Zaihan, H. & Hilmun, M. (2016). Tahap Efikasi Dengan Skor Pemantauan Pembelajaran Dan Pengajaran Pensyarah Di Politeknik Melaka. Politeknik & Kolej Komuniti. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 1(1)